

بُولَتِينْ اِيْنْسْتِيْتُوْتْ كَمَاْهِرَانْ اِيْسْلَامْ مَلَاْيْسِيَا سَرَاوَقْ



Buletin

BIL. 2 / 2024



IKMAS JAKIM



اڤريل - اوڠوس ، شوال - صفر ١٤٤٦ هجرة APRIL - OGOS



ISTIADAT
KONVOKEYEN
INSTITUT
KEMAHIRAN ISLAM
MALAYSIA
SARAWAK (IKMAS)
KE-20



PROGRAM PELANCARAN LAMAN
WAKAF AGROTEKNOLOGI INSTITUT
KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA
SARAWAK (IKMAS)



KUNJUNG HORMAT KEPADA
TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK



FORUM PERDANA EHWAL ISLAM
SEMPENA FESTIVAL KONVOKEYEN DAN
SAMBUTAN 25 TAHUN IKMAS

SCAN ME



Laman Sesawang:
myikmas.islam.gov.my

"IKMAS INSPIRASIKU" "KITAKAN IKMAS"



Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak - IKMAS



myikmas

SIDANG REDAKSI



PENAUNG
YBrs. Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan



KETUA EDITOR
Noor Azmi bin Mohammad Tamyis



PENOLONG KETUA EDITOR
Siti Syarah binti Mohd Tawil



PEMBACA PRUF
Abdul Zaaba bin Buserah



PEMBACA PRUF
Ainul Nadzifah binti Mohd Ali



KONSEP & REKA LETAK
Muhammad Faizul bin Kanaini



KOORDINATOR PENERBITAN & EDARAN
Dyg. Adlin Lina binti Abang Hwan Zaini



JURUFOTO
Irwandy bin Sarkawi

PENGHARGAAN ISTIMEWA
Pejabat Pengarah
Pejabat Timbalan Pengarah
Cawangan Khidmat Pengurusan
Cawangan Pendaftar
Cawangan Akademik
Cawangan Hal Ehwal Pelajar
Cawangan Pembangunan Insan
Unit Jaminan Kualiti

Isi Kandungan

- 2 Sidang Redaksi
- 3 Sekapur Sirih
- 3 Kalam Ketua Editor
- 4 Kenali Alumni IKMAS
- 5 Program Pelancaran Laman Wakaf Agroteknologi Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)
- 6 Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Akademik Kali Ke-22 Tahun 2024
- 6 Program Tautan Kasih Madani Bersama Agensi Islam Sarawak
- 7 Mesyuarat Lembaga IKMAS, Perbincangan Meja Bulat dan Mesyuarat Induk Konvokesyen IKMAS Kali Ke-23
- 8 Kursus Persijilan Kitab Thurath "Ajaibul Makhluqat Wa Ghara'ibul Maujudat"
- 8 Program Ibadah Korban Aidiladha 1445H Peringkat Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)
- 9 Program Generasi Al-Falah Bersama Yang Berhormat Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)
- 9 Kunjung Hormat Kepada Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sarawak
- 10 Program Derma Darah IKMAS 2024
- 10 Kursus Asas Sembelihan 2024
- 11 Minggu Aluan Pelajar Baharu Diploma Dakwah Islamiyyah IKMAS Sesi 2024-2027
- 11 Program Pemantapan Tatakelola Kewangan Bersama Warga IKMAS dan JAKIM Sarawak
- 12 IKMAS Got Talent
- 12 Kursus Pengurusan Jenazah Pelajar Semester 5 Diploma Dakwah Islamiyyah
- 13 Festival Konvokesyen dan Sambutan 25 Tahun Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) Tahun 2024
- 14 Istiadat Konvokesyen Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) Kali Ke-20
- 15 Lawatan Kerja dan Kunjung Hormat
- 16 Pameran dan Promosi IKMAS
- 17 Sukan IKMAS (SUKMAS)
- 18 Artikel Staf
- 19 Artikel Staf
- 20 Selamat Datang & Jasamu Dikenang
- 21 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Ketua Pengarah & Pekerja Contoh
- 22 Lensa
- 23 Lensa
- 24 Juh Masuk IKMAS

SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izinNya maka Buletin IKMAS ini bagi tahun 2024 dapat diterbitkan buat siri yang kedua.

Di kesempatan ini saya ingin menzahirkan sekalung penghargaan dan tahniah kepada Ketua Editor team sidang redaksi serta Unit Komunikasi Korporat yang telah berusaha keras, bertungkus-lumus dan menyatupadukan idea dan tenaga bagi penerbitan Buletin IKMAS ini sejak tahun 2019 lagi. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang memberikan kerjasama dan sokongan yang amat padu dan jitu dalam melahirkan buletin ini yang mampu menarik minat seramai mungkin pembacanya.

Sempena sambutan 25 tahun IKMAS, Buletin IKMAS kini dimuatkan dengan pelbagai laporan aktiviti dan program serta berita terkini yang lebih informatif dan bernafas baharu berkenaan pencapaian warga kerja dan pelajar IKMAS. Buletin ini akan terus menjadi satu platform dan media cetak yang melakarkan segenap ruang, pengalaman dan kenangan warga IKMAS serta pelajarinya sepanjang tahun ini.

Buletin ini saban tahun akan sentiasa mekar diingatan warga IKMAS dan pelajarinya agar tetap menjadi sumber inspirasi sebuah kejayaan dalam dunia penerbitan yang dapat dibanggakan oleh semua warga IKMAS.

Selain menyajikan informasi terkini berkaitan IKMAS dan warganya, buletin ini mampu maju, setanding dan seiring dengan buletin terbitan agensi yang lain. Harapan saya kepada semua warga kerja, pelajar IKMAS dan para pembaca, teruskan perjuangan dan tekadkan usaha untuk berjaya. Jom masuk IKMAS!



**YBrs. Tuan Haji
Hanifuddin
bin Roslan**

PENGARAH IKMAS



**Noor Azmi bin
Mohammad
Tamyis**

KETUA EDITOR

KALAM KETUA EDITOR

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, segala puji hanya bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan izinNya, dapat sekali lagi menerbitkan buletin yang menjadi salah satu medium dalam menyampaikan aktiviti dan program Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak bagi Bil.2/2024

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Yang Berusaha Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan Pengarah IKMAS atas kepercayaan dan semangat yang diberikan kepada Unit Komunikasi Korporat & Hubungan Strategik IKMAS dalam usaha untuk menerbitkan Buletin IKMAS pada kali ini.

Sekalung ucapan tahniah dan syabas juga diucapkan kepada rakan-rakan sidang redaksi Buletin IKMAS dan Team Unit Komunikasi Korporat IKMAS kerana telah berjaya menghasilkan keluaran Buletin yang kedua buat tahun ini dengan jayanya.

Penghasilan buletin kali ini bukan sahaja merekodkan pelbagai program dan aktiviti yang telah disusun sempena sambutan 25 tahun IKMAS bahkan merakamkan juga kecemerlangan graduan-graduan IKMAS yang telah berjaya mengenggam segulung diploma dan sijil pada Istiadat Konvokesyen IKMAS yang ke- 20 pada Ogos 2024, sejajar dengan hasrat dan matlamat IKMAS untuk melahirkan pelajar yang berkaliber dan berkepimpinan dalam pelbagai bidang serta mampu berdaya saing dengan mahasiswa dan mahasiswi yang lain. Selain itu, bagi merealisasikan fungsi IKMAS sebagai pusat pengajian akademik dan latihan awam bagi penjawat awam dan masyarakat setempat. IKMAS telah menyusun dan menganjurkan pelbagai program termasuklah program yang melibatkan orang kenamaan dan pembesar negeri Sarawak dalam memartabatkan IKMAS agar termasyhur di persada Borneo.



USTAZAH ASMA ULHUSNA AHMAD SHARKAWI

Dilahirkan serta menetap di Melaka selama 3 tahun dan dibesarkan di Sarawak bersama keluarga atas perkembangan kerjaya bapanya sebagai seorang pensyarah di Institut Pendidikan Guru Rajang, Bintangor pada masa itu. Beliau membesar bersama 8 orang adik beradik; anak ke-5, 6 orang perempuan dan 2 orang lelaki. Beliau mendirikan rumah tangga pada tahun 2011 dan dikurniakan seorang cahaya mata lelaki. Beliau juga merupakan Alumni IKMAS ambilan yang kedua pada tahun 2001 sehingga 2004. Kini, beliau bergelar seorang Guru Pendidikan Agama Islam dan Bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan St. Mary dan telah mencurahkan bakti selama 14 tahun bermula pada tahun 2010.



LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ☞ Sekolah Rendah Nanga Stras, Bintangor, Sarawak
- ☞ SK RPR, Jalan Astan, Kuching Sarawak.
- ☞ Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SHOAW)
- ☞ Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak, Diploma Pengajian Islam (2001-2004)
- ☞ Akademi Pengajian Islam Dakwah (APID)
- ☞ Universitas Islam Negeri Sayatullah, Jakarta
- ☞ Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Selangor (KPLI)

KERJAYA

- ☞ Guru Sandaran Tak Terlatih (GSTT) Sekolah Menengah Kebangsaan St. Teresa (2008)
- ☞ Pensyarah di Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) 2008
- ☞ Guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di SK St. Mary, Kuching, Sarawak. (2010-Kini)

PENCAPAIAN DAN PENGLIBATAN LUAR

- ☞ Tempat pertama pertandingan Hafazan Peringkat Negeri Sarawak.
- ☞ Memiliki Sijil Kejurulatihan Tahap Gangsa Seni Memanah Tradisional Hungary.
- ☞ Ahli Kelab Memanah Berkuda Merpati Jepang
- ☞ Ahli Kelab Rukun Tetangga, Kawasan Semariang.
- ☞ Ketua Lajnah Dakwah di Kawasan Petra Jaya Kuching, Sarawak
- ☞ Guru Pembimbing Kelas Fardhu Ain kepada ibu dan kanak-kanak di Kampung Siol Kandis, Kuching Sarawak.
- ☞ Majlis Perwakilan Pelajar, Lajnah Dakwah di IKMAS

HARAPAN DAN IMPIAN UNTUK IKMAS

"Ingatlah hidup tak seindah yang disangka,"

"Tak semudah yang kita duga, perit tak terjangkau,"

"Walaupun kita harus percaya pasti ada hikmah disebaliknya."

Demikianlah titipan pesanan beliau buat pelajar IKMAS yang bakal bergelar daie suatu hari nanti untuk berpegang teguh pada ajaran al-Quran dan sunnah sebagai panduan hidup dalam menghadapi liku-liku kehidupan dengan tenang dan lasak.

Di samping itu, beliau berhasrat untuk melihat IKMAS sebagai sebuah institusi yang dikenali dan gah di mata dunia khususnya di Malaysia. Seperti yang kita sedia maklum, IKMAS merupakan sebuah institusi yang memainkan peranan penting dalam melahirkan pendakwah di Sarawak disamping merupakan pusat kecemerlangan dalam kajian rentas rantau untuk membina transformasi sejarah kontemporari untuk kepentingan masyarakat di Malaysia.



Sesi temuramah yang dijalankan bersama Ustazah Asma Ulhusna Ahmad Sharkawi





PELANCARAN LAMAN WAKAF AGROTEKNOLOGI INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK (IKMAS)

25 APRIL 2024

IKMAS amat berbesar hati menyambut kehadiran Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff sempena Program Pelancaran Laman Wakaf Agroteknologi IKMAS.

Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan, Pengarah IKMAS. Seterusnya, perasmian Laman Wakaf Agroteknologi yang disempurnakan oleh YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM. Beliau merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dalam menjayakan program ini dan berharap agar projek ini akan dapat memberikan hasil yang besar bukan hanya kepada warga IKMAS malah kepada masyarakat di sekitar Kampung Telaga Air. YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff turut mengambil bahagian menanam pokok sebagai gimik pelancaran program.

Turut hadir bersama YBhg. Dr Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, YBhg. Dato' Mohd Zaidi bin Ramli, Pengarah Bahagian Dasar Kemajuan Islam JAKIM, YBhg. Kolonel Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan YBrs. Encik Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT AKADEMIK (JKPA) KALI KE-22 TAHUN 2024



2 MEI 2024

Mesyuarat JKPA tahun 2024 kali ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama IKMAS.

Mesyuarat ini bertujuan untuk mempertimbangkan dan meluluskan kertas cadangan dan kertas makluman berkaitan hal ehwal akademik IKMAS.

Turut hadir bersama YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Yakub@Zulkifli bin Mohd Yusoff, Profesor Kehormat Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, YBhg. Prof. Dato' Dr. Zulkiple Abdul Ghani, Profesor Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, YBhg. Dato Haji Syeed Mohd Hussien bin Wan Abd Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif, Centre For Technology Excellence Sarawak (CENTEXS), YBhg. Prof. Dato' Dr. Fariza bt Md Sham, Pengarah Institut Islam Hadari, Universiti Kebangsaan Malaysia, YBhg. Prof. Dr. Abdul Halim bin Haji Busari, Pengarah Pusat Islam Tun Abang Salahuddin, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), YBrs. Tuan Haji Haniffuddin bin Roslan, Pengarah Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) YBrs. Tuan Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim, Pengarah Darul Quran JAKIM, YBhg. Prof. Madya Dr. Saimi

bin Bujang, Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar), UiTM Cawangan Sarawak, YBrs. Encik Abdul Halem bin Serojai, Pengarah GIATMARA Negeri Sarawak, Yang Arif Tuan Imran bin Taha, Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Kota Samarahan, dan YBhg. Dr. Nordin bin Ahmad, Ahli Jawatankuasa Pembangunan Kualiti ILIM.



PROGRAM TAUTAN KASIH MADANI *bersama* AGENSI ISLAM SARAWAK

5 MEI 2024

IKMAS telah mengadakan Program Tautan Kasih Madani sempena Majlis Ramah Tamah Agensi Islam Sarawak bertempat di Dewan Kompleks Islam Sarawak.

Majlis diraikan dengan penuh kemeriahan dan menerima kehadiran daripada Tan Sri Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg, Premier Sarawak bagi menyempurnakan Majlis Ramah Tamah Agensi Islam Sarawak.

Kira-kira 500 orang pengunjug terdiri daripada pelbagai agensi Islam Sarawak yang turut hadir memeriahkan majlis ramah tamah tersebut.

Antara Agensi Islam yang membuka reruai makanan ialah JAKIM Sarawak, IKMAS, HIKMAH, JKSM Sarawak, Jabatan Mufti Sarawak, Islamic Information Centre, Pejabat Agama Islam Bahagian Kuching, Tabung Baitulmal Sarawak dan beberapa agensi lain.



MESYUARAT LEMBAGA IKMAS, PERBINCANGAN MEJA BULAT DAN MESYUARAT INDUK KONVOKESYEN IKMAS KALI KE-23

4 – 5 JUN 2024

Mesyuarat Lembaga Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) Kali Ke-23 telah diadakan di Bilik Seminar Mulu, Raia Hotel, Kuching. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM dan turut dihadiri oleh sembilan orang ahli lembaga IKMAS. Mesyuarat memfokuskan kepada kertas cadangan dan pemakluman bagi menambah baik IKMAS dalam melahirkan graduan yang mampu bersaing dalam arus perkembangan semasa.

Pada malam sebelumnya IKMAS telah mengadakan *Round Table Discussion* (RTD) bagi penambahbaikan pelan hala tuju IKMAS. Turut hadir adalah ahli lembaga IKMAS, wakil Agensi Islam Sarawak dan alumni IKMAS.

Pada sebelah petangnya, Mesyuarat Jawatankuasa Induk Istiadat Konvokesyen IKMAS ke-20 tahun 2024 telah diadakan dan turut dihadiri wakil daripada agensi luar seperti Majlis Perbandaran Padawan, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kerja Raya, Pejabat Astana Negeri Sarawak dan Pengurusan Dewan Kompleks Islam Sarawak. Mesyuarat tersebut menfokuskan pelaksanaan kepada agenda pembentangan bagi setiap jawatankuasa kecil Istiadat Konvokesyen IKMAS ke-20 tahun 2024 yang bakal diadakan pada bulan Ogos tahun ini.



KURSUS PERSIJILAN KITAB THURATH “AJAIBUL MAKHLUQAT WA GHARA’IBUL MAJUJUDAT”

12 – 14 JUN 2024



IKMAS dengan kerjasama Jabatan Mufti Sarawak telah menganjurkan Kursus Persijilan Kitab Thurath “Ajaibul Makhluqat Wa Ghara’ibul Maujudat” bertempat di Hotel New World Suites, Bintulu, Sarawak. Kursus ini melibatkan pelbagai agensi di Sarawak antaranya, Jabatan Tanah dan Survei, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi dan Pejabat Mufti Seluruh Malaysia.

Kursus ini bertujuan membantu peserta untuk menguasai ilmu falak berdasarkan dalil naqli dan aqli serta menjelaskan kepentingan ilmu falak dalam akidah dan ibadat dalam kalangan peserta.

Kursus Persijilan Kitab Thurath ini merupakan program siri ketiga hasil daripada sambungan program yang dilaksanakan di Sri Aman dan Lawas pada tahun sebelumnya.

Pendedahan pengajian falak melalui kefahaman dengan memahami pengajian kitab turath yang diajarkan oleh pegawai pakar ilmu falak iaitu Ustaz Hanafiah Abdul Razak yang merupakan pakar rujuk JAKIM dalam ilmu falak. Oleh itu, para peserta mendapat pendedahan ilmu-ilmu falak melalui penerangan penceramah yang sangat luas keilmuannya dalam bidang falak. Selain itu, peserta juga dapat memahami tujuan kewujudan zon khas di Sarawak berdasarkan kedudukan geografi di kawasan tersebut. Akhir sekali, peserta juga didedahkan berkenaan dengan peredaran atau pergerakan matahari, bulan, bintang dan sebagainya.

Program

IBADAH KORBAN AIDILADHA 1445H PERINGKAT INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK (IKMAS)

Alhamdulillah, suasana kemeriahan sepanjang Program Ibadah Korban yang dilaksanakan di IKMAS.

Jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan diucapkan kepada Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan Pengarah IKMAS, Encik Hamdan bin Jar’ee, Pengarah JAKIM Sarawak, kakitangan IKMAS, pelajar-pelajar dan semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ibadah korban pada tahun ini.

Semoga segala amal ibadah dan ukhuwah kita yang terbina semasa bergotong-royong dalam pelaksanaan program ibadah korban ini mendapat keredhaan Allah S.W.T

Program ini diakhiri dengan ucapan Pengarah IKMAS, Haji Hanifuddin bin Roslan serta penyampaian daging korban kepada penerima.

20 JUN 2024





PROGRAM GENERASI AL-FALAH

25 JUN 2024

BERSAMA YANG BERHORMAT TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

Yang Berhormat Senator Dr. Zulkifli Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah hadir dan meluangkan masa bersama kakitangan dan pelajar IKMAS bertempat di Auditorium Al-Wadi. Program diserikan lagi dengan persembahan nasyid oleh pelajar IKMAS dan seterusnya ucapan aluan daripada Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan, Pengarah IKMAS.

Amanat Yang Berhormat Senator Dr. Zulkifli Hasan menyentuh nukilan Imam Yusuf al-Qaradhawi mengenai peri pentingnya 6 aspek keilmuan untuk membentuk generasi yang berkualiti;

'Al-Thaqafah Al-Diniyyah (Ilmu Agama), Al-Thaqafah Al-Tarikhiah (Ilmu Sejarah), Al-Thaqafah Al-Adabiyah Wa Al-Lughawiyah (Ilmu Sastera dan Bahasa), Al-Thaqafah Al-Insaniyyah (Ilmu kemanusiaan), Al-Thaqafah Al-Ilmiyyah (Ilmu Sains) dan Al-Thaqafah Al-Waqi'iyah (Ilmu Hal Ehwal Semasa)'.

Semoga amanat dan penerangan jitu yang disampaikan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zulkifli Hasan dapat membuka minda warga IKMAS dalam memahami realiti semasa dan era MADANI pada masa kini.



Kunjung Hormat

KEPADA TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK

1 JULAI 2024

Kunjung Hormat YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM kepada Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Yang di-Pertua Negeri Sarawak telah diadakan bertempat di Astana Negeri Sarawak.

Kunjung hormat ini bertujuan untuk mengundang kehadiran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak bagi menyempurnakan Majlis Istiadat Konvokesyen IKMASi ke-20 pada 12 Ogos 2024.

Majlis Istiadat Konvokesyen IKMAS pada kali ini membabitkan 53 pelajar yang akan menerima Diploma Dakwah Islamiyyah manakala 14 orang pelajar lagi bakal menerima Sijil Pengajian Islam.

Turut hadir bersama-sama dalam kunjung hormat ialah YBhg. Datuk Haji Misnu bin Haji Taha, Yang di Pertua Majlis Islam Sarawak, Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Sarawak, Tuan Haji Mual bin Haji Suaud, Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak, Ustaz Hanifuddin bin Roslan, Pengarah IKMAS dan Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak.

PROGRAM DERMA DARAH IKMAS 2024

11 JULAI 2024

IKMAS dengan kerjasama Unit Tabung Darah Hospital Umum Sarawak telah mengadakan Program Derma Darah Tahun 2024 di Dewan Kenyalang, IKMAS.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada warga IKMAS tentang kebaikan menderma darah serta memberi sumbang bakti kepada masyarakat.

Dalam aspek ibadah, menderma darah adalah amalan mulia di sisi Islam kerana menderma darah turut menjadi inti pati seruan dalam islam. Dengan menderma darah, secara tidak langsung manusia mampu menyelamatkan tiga nyawa yang memerlukan bekalan darah.

Dalam hal ini, Allah SWT memuji hamba-Nya yang menyelamatkan orang lain. Firman Allah SWT bermaksud; ***“Sesiapa menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia menjaga keselamatan hidup manusia semuanya”***. (Surah al-Maidah ayat 32)

Sebagai rekod, program ini telah berjaya mengumpul 32 pek darah dari individu penderma yang melepasi syarat kelayakan.



KURSUS ASAS SEMBELIHAN 2024

13 – 14 JULAI 2024

Kursus Asas Sembelihan ini adalah salah satu kursus Kwajib yang diadakan khas untuk pelajar tahun akhir IKMAS sebagai pendedahan kepada pelajar mengenai tatacara sembelihan dalam Islam serta memberikan kefahaman betapa pentingnya makanan yang halal lagi baik itu di dalam kehidupan kita sebagai seorang Islam.

Kursus ini dijalankan selama dua hari di mana hari pertama penjelasan secara teoritikal manakala hari kedua pula setiap seorang pelajar wajib melakukan praktikal sembelihan (ayam). Penceramah jemputan ialah Ustaz Muhammad Faridzuan bin Abdullah daripada unit Pengurusan Halal Pejabat Agama Islam Bahagian Kuching dan Ustaz Yaakob bin Abdullah daripada Unit Saudara Kita Pejabat Agama Islam Bahagian Kuching.

Kesemua pelajar berjaya melakukan sembelihan dan sedikit sebanyak dapat menambah ilmu pengetahuan berkenaan sembelihan serta mendalami maksud halal dan suci dalam Islam.



MINGGU ALUAN PELAJAR BAHARU DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH IKMAS SESI 2024-2027 (MALPI)

17 - 19 JULAI 2024

Minggu Aluan Pelajar IKMAS (MALPI) merupakan minggu suai kenal pelajar baharu Diploma Dakwah Islamiyyah bersama warga IKMAS dan Majlis Perwakilan Pelajar IKMAS. MALPI juga diadakan bagi mengalukan kehadiran pelajar baharu di samping memperkenalkan IKMAS.

Pelbagai pengisian program yang menarik diadakan sepanjang MALPI bagi membina dan mengeratkan lagi hubungan sesama pelajar baharu, warga IKMAS dan Majlis Perwakilan Pelajar IKMAS. Program ini diadakan di Dewan Kenyalang IKMAS.

Pelajar Baharu IKMAS menunjukkan minat dan keseronokan untuk terus melanjutkan pengajian di IKMAS. IKMAS berharap agar pelajar baharu ini dapat menamatkan pengajian dengan jayanya serta mampu berdaya saing dengan dunia luar.



Program Pemantapan Tatakelola Kewangan Bersama Warga IKMAS Dan JAKIM Sarawak

23 JULAI 2024

IKMAS telah mengadakan Program Pemantapan Tatakelola Kewangan bersama Warga JAKIM Sarawak dan IKMAS bertempat di Auditorium al-Wadi IKMAS. Program dimulakan dengan nyanyian Lagu Negaraku, Ibu Pertiwiku dan JAKIM seterusnya bacaan doa oleh Ustaz Mohammad Hanafi bin Yusof.

Ceramah Pemantapan Tatakelola Kewangan disampaikan oleh Puan Siti Suraimi binti Mohamad Sapawi dan Puan Joselind Loney Anak Ikom dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sarawak. Antara pengisian ceramah ialah mengenai tuntutan perjalanan, tuntutan bekerja lebih masa, tuntutan kursus, cuti gantian dan banyak lagi yang melibatkan kewangan.

Program diteruskan dengan amanat daripada YBr. Encik Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak dan YBr. Tuan Haji Haniffuddin bin Roslan, Pengarah IKMAS.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada empat orang penerima Anugerah Pekerja Contoh iaitu Puan Zuliana binti Johaini dan Encik Mohd Syafiqaimul Lah bin Mohd Jemi dari JAKIM Sarawak serta Puan Nur Fatin Amira binti Marzuki dan Puan Rozana binti Zamali dari IKMAS.





IKMAS Got Talent diadakan bagi memberi peluang dan mengasah bakat kepada pelajar baharu Diploma Dakwah Islamiyyah dan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat untuk membuat persembahan yang menarik dan kreatif.

Semua peserta menyampaikan persembahan yang amat menarik dengan penuh penghayatan dan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Kreativiti dan bakat pelajar terserlah melalui pelbagai genre persembahan antaranya, pentomen, kulit wayang, lakonan dan sebagainya.

Kursus Pengurusan Jenazah **PELAJAR SEMESTER 5 DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH**



27 JULAI 2024

IKMAS telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah ini setiap tahun kepada pelajar semester 5 Diploma Dakwah Islamiyyah.

Objektif kursus ini ialah memberi pendedahan kepada peserta di setiap kariah berkaitan tatacara, adab-adab dan kaedah menguruskan jenazah secara teori dan praktikal serta melahirkan rasa tanggungjawab terhadap tuntutan fardhu kifayah.

Penceramah jemputan ialah Ustaz Yussof bin Hazmi dan Ustazah Rukaiah binti Zen dari Jabatan Agama Islam Sarawak.



FESTIVAL KONVOKESYEN DAN SAMBUTAN 25 TAHUN INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK (IKMAS) TAHUN 2024

9-11 OGOS 2024

Festival Konvokesyen IKMAS (FESKIS) telah diadakan bersempena Istiadat Konvokesyen IKMAS ke-20 yang telah berlangsung sepenuhnya di IKMAS.

Pelbagai program dan aktiviti menarik diadakan sepanjang FESKIS ini. Antaranya, Forum Perdana Ehwal Islam, Seminar Kepimpinan Dakwah dan Belia Peringkat Sarawak Tahun 2024, pameran pelbagai agensi, Malam Kesenian Islam, pertandingan mewarna, futsal, bola jaring dan banyak lagi.



DISEMPURNAKAN OLEH
TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK
TUN PEHIN SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR

12 OGOS 2024 / 7 SAFAR 1446H
DEWAN KOMPLEKS ISLAM SARAWAK



Istiadat Konvokesyen INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK (IKMAS) KE-20

12 OGOS 2024

IKMAS telah mengadakan Istiadat Konvokesyen IKMAS ke-20 bertempat di Dewan Kompleks Islam Sarawak, Kuching.

Istiadat konvokesyen tahun ini melibatkan seramai 53 graduan Diploma Dakwah Islamiyyah, 14 graduan Sijil Pengajian Islam dan tiga graduan Diploma Tahfiz al-Quran dan al- Qiraat.

Istiadat ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Turut hadir ialah isteri Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Dato' Setia Dr. Mohd Na'im Mokhtar, Timbalan Menteri Ekonomi merangkap Ahli Parlimen P.213 Mukah Dato Hanifah Hajar Taib, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Datuk Haji Misnu Haji Taha serta dif-dif kenamaan serta ibu bapa.

Empat Anugerah Utama IKMAS iaitu Anugerah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri diterima oleh Nur Zulaikhah Ripot, Anugerah Ketua Pengarah JAKIM diterima oleh Muhamad Alfian Raduan, Anugerah Majlis Islam Sarawak disandang oleh Sharifah Nur Maizurah Sayed Ahmad dan Anugerah IKMAS diterima oleh Faridah Rasid. Tahniah dan Syabas diucapkan kepada para graduan IKMAS!





24 April 2024 – Kunjung Hormat IKMAS ke Jabatan Kerja Raya Sarawak



7 Mei 2024 – Kunjung Hormat Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (Zawaf) Universiti Teknologi Mara (UiTM) ke IKMAS

LAWATAN KERJA & KUNJUNG HORMAT

1 Julai 2024 – Lawatan Silaturahmi IKRAM Kuching bersama Rombongan Yayasan Al-Mumtaz Pontianak ke IKMAS



14 Ogos 2024 – Kunjung Hormat Delegasi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor ke IKMAS



PAMERAN DAN PROMOSI IKMAS



30 April 2024 – Pameran dan Promosi IKMAS Sempena Program Bersama Komuniti Malaysia Madani di Long Lama Marudi



20-21 Jun 2024 – Pameran dan Promosi IKMAS Sempena Program Outreach Jelajah Madani Jom Masuk TVET Zon Sarawak



7 Julai 2024 – Pameran dan Promosi IKMAS Sempena Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Sarawak 1446H/2024M Bertemakan "Al-Falah Pemacu Malaysia Madani"



12-14 Julai 2024 – Pameran dan Promosi IKMAS Sempena Festival Maal Hijrah Anjuran Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS)



18 Julai 2024 – Pameran Dan Promosi IKMAS Sempena Program Jerayawara Pendidikan dan Kerjaya SMK Sebuyau

SUKAN IKMAS (SUKMAS)

PERLAWANAN RAINFOREST 7S KUCHING RUGBY FOOTBALL CLUB

29 – 30 JUN 2024

IKMAS telah menyertai Kejohanan Rugbi Perlindungan Rainforest 7S yang dianjurkan oleh Kuching Rugby Football Club bertempat di Padang Song Kheng Hai.

Objektif utama penyertaan ini ialah untuk memupuk semangat kesukanan antara pasukan disamping mengeratkan silaturrahim antara IKMAS dan agensi luar melalui medium sukan serta dapat mempromosikan IKMAS kepada masyarakat luar.

Tahniah diucapkan kepada pasukan IKMAS Eagle kerana dapat melepasi peringkat suku akhir kategori bowl dalam kejohanan tersebut.



KEMBARA JOM ORANG MUDA

ANJURAN KEMENTERIAN BELIA & SUKAN SARAWAK

19 JANUARI 2024

Program ini dijalankan selama satu hari bersama pelbagai agensi serta IPTA/IPTS seluruh Sarawak. Antara pengisian program adalah sesi dialog bersama golongan-golongan muda, reruai pameran, ceramah kesihatan serta banyak lagi aktiviti-aktiviti yang bermanfaat untuk para peserta.

Program ini juga banyak memberi pendedahan kepada siswa tentang tatacara penjagaan kesihatan yang betul. Selain itu, memberi peluang kepada siswa untuk berk komuniti dan bertukar pendapat bersama belia dari IPTA/IPTS yang lain di samping menjalankan hubungan dua hala dan kerjasama strategik antara IKMAS & KBS.

Pelajar IKMAS berharap agar program-program ini lebih kerap diadakan bagi membimbing mereka mengisi masa lapang dengan perkara yang bermanfaat.






ABDUL ZAABA BIN BUSERAH
PUSTAKAWAN IKMAS

DIGITAL LIBRARY

Information has become one of the important elements in people's daily working life. People want to retrieve and get information to meet their needs and requirements. The impact of the information age is stimulating the formation of new habits in people. Library is one of the centres that provide information to user. In order to fulfil user needs for the fast, easy retrieving of information and maintain competitiveness, library improved many of their services and introduces new technologies. The main reason why library is making an improvement in their services is to ensure the information can be retrieved in fastest way and meet the growing expectations of their highly computer literate client, to save some shelves and others. In order to do it library should react and implement new technologies in their library. This is why the digital are being introduced nowadays.

Besides that, student's perception towards digital library will mostly depend on digital library interface, content, services and accessibility. These four characteristics are the most important elements in digital library. Without these four elements, the library may get problem and this problem also affects to the users or students of the library. The system accessibility of the digital library refers to the extent to which the users easily access an IS, and it refers to the degree of convenience with which users access an information system.

Thus, accessibility to the digital library is an essential need for users' usage, and it makes the digital library show the way in easy and convenient access to online services. Interface features refer to the means of communication between the system and its users by means of given functions, further, based on users view, interface design and navigation can be used as proxy measures of the interface features for the digital library. The content should be adequate and have a quality in order to meet the expectation and satisfied users need. As for services, it will refer to the services that are designed to provide information to users.



FARAH WAHIDAH BINTI PILEP
PENSYARAH IKMAS

TIPS MENJADI PEMPENGARUH MEDIA SOSIAL YANG BERKESAN

Di era digital ini, media sosial telah menjadi platform utama untuk berkongsi idea, pengalaman, dan pendapat. Ramai individu telah berjaya menjadikan diri mereka sebagai pempengaruh media sosial yang terkenal, memanfaatkan platform ini untuk membina jenama peribadi dan memperoleh pendapatan. Artikel ini akan memberi tips untuk membantu anda menjadi pempengaruh media sosial yang berjaya.

Langkah pertama untuk menjadi seorang pempengaruh adalah mengenal pasti 'niche' atau bidang kepakaran masing-masing. Pilih bidang yang diminati dan mempunyai pengetahuan yang mendalam, seperti kecantikan, fesyen, makanan, teknologi, atau gaya hidup. 'Niche' yang jelas akan membantu menarik pengikut yang berminat dengan kandungan tersebut.

Langkah kedua adalah kandungan yang berkualiti tinggi. Kandungan adalah raja di media sosial. Pastikan setiap hantaran yang di buat adalah berkualiti dan menarik. Pelajari teknik penggambaran, suntingan video, dan penulisan yang baik untuk memastikan kandungan anda menonjol. Konsistensi juga penting – buat jadual pos yang tetap untuk memastikan pengikut anda sentiasa terlibat.

Langkah ketiga adalah menggunakan platform yang betul. Setiap platform media sosial mempunyai keunikan dan demografi pengguna yang tersendiri. *Instagram*, *TikTok*, *YouTube*, dan *X* adalah beberapa platform popular untuk pempengaruh. Kenal pasti platform yang paling sesuai dengan 'niche' anda dan fokus untuk membina kehadiran di sana.

Langkah keempat adalah bangun komuniti dan berinteraksi dengan pengikut. Kejayaan seorang pempengaruh bukan hanya bergantung kepada jumlah pengikut, tetapi juga sejauh mana mereka berinteraksi dengan pengikut. Luangkan masa untuk membalas komen, menjawab mesej peribadi, dan berinteraksi dengan pengikut anda. Ini akan membina rasa kepercayaan dan kesetiaan dalam komuniti anda.

Langkah kelima adalah menggunakan Hashtag dan Search Engine Optimization (SEO) adalah alat yang penting untuk meningkatkan visibiliti kandungan anda. Gunakan hashtag yang relevan dan popular dalam setiap hantaran anda. Selain itu, pelajari asas SEO untuk memastikan kandungan anda mudah ditemui oleh pengguna yang mencari topik yang berkaitan.

Langkah keenam Kolaborasi dengan pempengaruh dan jenama lain boleh membantu anda mencapai pengikut baru dan memperluas jangkauan anda. Cari peluang untuk bekerjasama dalam projek, kempen, atau hadiah bersama-sama dengan mereka yang mempunyai pengikut yang sepadan dengan niche anda.

Langkah terakhir adalah memantau prestasi setiap hantaran dan kempen anda menggunakan analitik media sosial. Fahami apa yang berfungsi dan apa yang tidak serta sesuaikan strategi anda berdasarkan data tersebut. Ini akan membantu anda terus berkembang dan memperbaiki kandungan anda dari masa ke semasa.

Menjadi seorang pempengaruh media sosial yang berjaya memerlukan usaha yang konsisten, kreativiti, dan dedikasi. Dengan mengikuti tips ini, anda berjaya di dunia digital dan membina jenama peribadi anda. Ingatlah untuk sentiasa berinovasi dan mengekalkan hubungan yang baik dengan pengikut anda.

Selamat Datang



MOHD HANAFI BIN YUSOP
Pegawai Hal Ehwal Islam S44
Dari : Darul Quran, JAKIM



NOOR AZMI BIN MOHAMMAD TAMYIS
Pegawai Hal Ehwal Islam S44
Dari : Sekretariat Majlis Halal Malaysia



NURHAIRUNNISA BINTI TAHA
Pegawai Hal Ehwal Islam S41(K)
- Lantikan Baru



MUHAMMAD KHAILIL ANWAR BIN MOHAMMAD SEMAN
Pegawai Hal Ehwal Islam S41(K)
- Lantikan Baru



NURHIDAYAH BINTI JORET
Pembantu Setiausaha Pejabat S19
Dari : Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Sarawak



MUHAMMAD DZULHAZIQA HIZNIE BIN PATEHI
Personel MyStep
- Lantikan Baru



SHARIFAH NUR AZFEZSHA BINTI WAN KAMARUDIN
Pelajar Praktikal
Dari : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)



DAYANG SYAHIRAH BINTI ABANG SUPIAN
Pelajar Praktikal
Dari : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)



NURUS SIHHAH BINTI AHMAD NIDHAM
Pelajar Praktikal
Dari : International Islamic University Malaysia (IIUM)



DAYANG NURUL IZZAH BINTI AWANG SEFARI
Pelajar Praktikal
Dari : Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Jasamu Dikenang



ROZI ROZALINA BINTI JAINI
Pembantu Setiausaha Pejabat S19
Bertukar ke: Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Sarawak



MOHD HASSANUDDIN BIN MOHD SULAIMAN
Pemandu H11
Bertukar ke: Jabatan Penerangan Malaysia (Juruaudio Visual N19)

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2023



SITI ROHAYU BINTI MD SAAD
Pegawai Tadbir
N41 (K)



**NUR HAFIZAH
BINTI ABDUL LATIF**
Pen. Pegawai Hal Ehwal Islam
S32



**SYARIFAH NABILAH BINTI
WAN HAMDAN**
Pen. Pegawai Hal Ehwal Islam
S29 (K)



**MUHAMMAD FAIZUL BIN
KANAINI**
Pembantu Hal Ehwal Islam
S19



BUSTAMIN BIN SHAREE
Pembantu Operasi
N11

ANUGERAH KETUA PENGARAH JAKIM (AKP) TAHUN 2023



ZULAIKHA BINTI OBEY
Pegawai Hal Ehwal Islam
S41 (K)



SHAHRIIL BIN OTHMAN
Pen. Pegawai Hal Ehwal Islam
S32



MAISARAH BINTI KIPLI
Pen. Pegawai Hal Ehwal Islam
S29



KHAIRULNISA BINTI SARKAWI
Penolong Pengurus Asrama
(K)



**NORASMAH BINTI ABU
BAKAR**
Pembantu Hal Ehwal Islam
S22

ANUGERAH PEKERJA CONTOH SEMPENA PERHIMPUNAN WARGA JAKIM SARAWAK DAN IKMAS



ROZANA BINTI ZAMA
Pembantu Tadbir (P/O)
S19 (K)



**NUR FATIN AMIRA BINTI
MARZUKI**
Personel MyStep

SA NN LE



23 APRIL 2024
Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2024



23-24 APRIL 2024 – Sijil Profesionalisme Imam Sarawak (SPIS) Kali Ke-5 Tahun 2024 Modul 1 (Zon Selatan)



7 MEI 2024
Program Jiwa MADANI Bersama Komuniti



8-11 MEI – Program Kembara Promosi IKMAS Siri 1 2024 di Bahagian Sibn (Zon Tengah)



16-17 MEI 2024 - Program Malam Kesenian Islam Sempena Karnival RAHMAH MADANI



29 MEI 2024
Kursus Mahirah AL-Quran



10-13 JUN 2024 - Bengkel Semakan Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 dan 21001:2018 (EOMS)



19 JUN 2024
Program Gotong-royong Masjid Baharu IKMAS



13-14 JULAI 2024
Kursus Asas Sembelihan Tahun 2024



17 JULAI 2024 – Lima Orang Graduan Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat Bergraduasi Di Istiadat Konvokesyen Darul Quran



19 JULAI 2024
Program Saringan Al-Quran Dan Ujian Pengesanan Bahasa



17 JULAI 2024 – Pendaftaran Pelajar Baharu Program Diploma Dakwah Islamiyyah Sesi 2024-2027



20-25 JULAI 2024 – Ihtifal Institusi Pendidikan Tinggi Peringkat Kebangsaan Tahun 2024



24 – 25 JULAI 2024 – Kursus Pengajian Kitab Turath (Safinatun Najah) Siri 2



2 OGOS 2024
Ceramah Dakwah Melalui Asara-PK



1 Ogos 2024 – Temu Bual Pengarah IKMAS Bersama Radio Iris Sempena Istiadat Konvokesyen IKMAS Kali Ke-20 Dan Sambutan 25 Tahun IKMAS (Jubli Perak)

JUH MASUK IKMAS

SYARAT KELAYAKAN MASUK PROGRAM DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas serta sihat fizikal.
2. Bukan Warganegara yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan Lima (5) KEPUJIAN termasuk :-
 - a. Bahasa Melayu dan mana-mana satu matapelajaran Pengajian Islam seperti Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Pengajian Al-Quran & Sunnah/ Pengajian Syariah Islamiyyah atau Bahasa Arab.
 - b. LULUS Bahasa Inggeris dan Matematik.
4. Mempunyai minat belajar, sedia dibimbing mematuhi peraturan dan arahan.
5. Belum berkahwin
6. LULUS ujian Temuduga.

SYARAT KELAYAKAN MASUK PROGRAM SIJIL PENGAJIAN ISLAM

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas.
2. Bukan warganegara (antarabangsa) yang mempunyai kelayakan yang SETARA dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan satu (1) kepujian dalam mana-mana pelajaran.
4. Lulus temuduga.
5. Belum berkahwin.

SYARAT KELAYAKAN MASUK PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT

1. Warganegara Malaysia
2. Beragama Islam
3. Berumur tidak melebihi 21 tahun pada tarikh pendaftaran
4. Tidak berkahwin
5. Lulus
 - SPM; (Calon yang telah memiliki keputusan SPM sahaja)
 - *Percubaan SPM (Calon SPM 2022 sahaja); atau
 - *Keputusan Peperiksaan Tingkatan 5 (calon SPM 2022) (mendapat pengesahan pihak sekolah) dengan syarat minimum Gred 'C' dalam mata pelajaran berikut:
 - a. Bahasa Melayu;
 - b. Bahasa Arab/ Al-Adab wa al-Balaghah/ Al-Lughah al-Arabiah al-Mu'asirah/ Turath Bahasa Arab;
 - c. Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/ Pendidikan Syariah Islamiah/ Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Usu al-Din/ Turath al-Quran dan al-Sunnah/ Al-Syariah/ Manahij al-'Ulum al-Islamiah/ Turath Dirasat Islamiah/ Maharat Al-Quran; dan
 - d. LULUS Bahasa Inggeris
6. LULUS Ujian Bertulis (Bahasa Arab dan Tajwid)
7. LULUS Temuduga
8. Mempunyai tahap kesihatan yang baik

اينستيتيوت كمالهيران اسلام مليسيا سراوق

INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
PETI SURAT 2867, JALAN MATANG 93050 KUCHING, SARAWAK

TEL: 082 - 843 478 / 016-585 2349

FAKS: 082 - 843 440

EMAIL: ikmas@islam.gov.my